

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan biro aduan, tribunal dan institusi bukan mahkamah untuk mengendalikan dan membuat keputusan bagi aduan yang melibatkan diskriminasi gender di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dalam mencegah penindasan dan ketidakadilan yang dihadapi di tempat kerja awam, swasta, institusi pembelajaran sekolah, dan dalam masyarakat kita secara amnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya, Kementerian menyambut baik cadangan untuk menubuhkan mekanisme khusus untuk mengendalikan isu diskriminasi gender di pelbagai peringkat. Kementerian ini sentiasa memegang teguh prinsip dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata dan berhak mendapat perlindungan yang sama di sisi undang-undang. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender terutamanya terhadap wanita seiring dengan Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan bagi

SOALAN NO : 12

merapatkan jurang gender di antara lelaki dan wanita dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan dan kepimpinan dan seterusnya mencapai kesaksamaan gender di Malaysia.

Kementerian pada ketika ini sedang melakukan pembaharuan struktural melalui penggubalan akta khusus berkenaan gangguan seksual dengan menubuhkan suatu tribunal sebagai usaha untuk menghapuskan diskriminasi dan keganasan berasaskan gender. Pemakaian rang undang-undang ini adalah meluas, tanpa mengira sama ada ianya berlaku di tempat kerja atau dalam mana-mana sektor. Dalam pada itu, Kementerian dari masa ke masa turut mengkaji dasar, pelan dan akta yang berkaitan untuk memperkasakan wanita, dan menolak sebarang diskriminasi terhadap gender.

Kementerian dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) juga telah selesai melaksanakan kajian untuk melihat keberkesanan Dasar Wanita Negara yang telah digubal pada tahun 1989 dan pelan tindakannya untuk memastikan ianya kekal relevan dan berupaya untuk mengendalikan isu-isu berkaitan wanita di Malaysia. Susulan daripada ini, satu pelan tindakan baharu akan dibangunkan pada tahun 2022 bagi menangani isu-isu berkaitan wanita bagi merapatkan jurang gender di Malaysia seterusnya menghapuskan diskriminasi.

Usaha memperkasa serta mengarusperdana gender dalam agenda pembangunan negara diteruskan menerusi RMKe-12 yang melakar strategi untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dan proses membuat keputusan. Agenda pemerdayaan wanita akan terus menjadi salah satu agenda penting negara yang memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak dalam memastikan ia selari dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan serta obligasi negara di bawah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang mengangkat dimensi kesaksamaan dan menghapuskan diskriminasi gender.

Sekian, terima kasih.